

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 25 Mac 2021 9:01 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PENDAFTAR KE-8 AKHIRI TUGAS DI UUM



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

25 MAC 2021 / 11 SYAABAN 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohamad Nizwan Awang
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PENDAFTAR KE-8 AKHIRI TUGAS DI UUM



UUM ONLINE: 30 tahun 4 bulan mencurahkan bakti kepada Universiti Utara Malaysia, sudah tentu Ilmu, Budi, Bakti yang ditabur akan diingat oleh seluruh warga UUM.

Baharudin Yaacob yang memberi ucapan pada Majlis Serah Tugas Pendaftar berkata, sepanjang bersama UUM, ini merupakan satu jangka masa yang panjang,

“Pastinya banyak peristiwa, kenangan manis dan pahit yang dilalui serta banyak cabaran yang telah saya tempuhi.

“Saya berasa amat bertuah kerana diberi peluang dan berkesempatan berkhidmat dengan universiti ini dengan melapor diri pada 1 Disember 1990 di Kampus Tanah Merah sebagai Penolong Pengurus Asrama, malah sepanjang berkhidmat di UUM, saya pernah berkhidmat di bawah tujuh Naib Canselor dan enam Pendaftar sebelum dilantik menjawat jawatan Pendaftar ini,” katanya.

Diakhir ucapan beliau memetik hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh imam Ahmad:

“Permudahkanlah dan janganlah menyukarkan, berilah khabar yang mengembirakan hati dan jangan khabar yang menyusahkan hati, dan hendaklah patuh mematuhi dan janganlah berselisih faham”

“Saya juga mendoakan semoga rakan-rakan semua akan dirahmati Allah sepanjang masa. Selamat maju jaya kepada semua. Semoga UUM terus membangun menjadi Universiti Pengurusan

Terkemuka berkhidmatlah dengan penuh intergriti dan sama-sama pelihara keharmornian kampus tercinta ini.

Ahmad Rasidi Abdullah mengucapkan jutaan terima kasih kepada Baharudin kerana menjalankan tanggungjawab sebagai Pendaftar dengan baik.

“Banyak saya belajar daripada beliau, saya berdoa agar beliau sihat berpanjangan dan amanah yang diberikan kepada saya akan dipikul dengan sebaiknya,” katanya.


Sementara itu, Naib Canselor mengucapkan selamat bersara dan selamat hari lahir, begitulah kepada kita semua. Tarikh lahir merupakan tarikh akhir kita bekerja dengan mana-mana organisasi.

“Saya bagi pihak UUM merakamkan jutaan terima kasih atas segala komitmen dan kerja keras menabur bakti kepada UUM,” ujarnya.

Pada Majlis ini juga sesi serah tugas Pendaftar kepada Timbalan Pendaftar Ahmad Rasidi yang akan menjalankan tugas pendaftar disaksikan oleh Naib Canselor, ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan pegawai UUM.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.